



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

LAPORAN SIASATAN

PENCEMARAN BEBOLA TAR (TARBALLS) DI PULAU SIBU, DAERAH MERSING, JOHOR

18 MAC 2018

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah mengambil perhatian terhadap laporan akhbar Sinar Harian (Edisi Johor) bertarikh 14 Mac 2018 bertajuk “Tumpahan Minyak Hitam”.

Susulan laporan tersebut, Kwementerian melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan siasatan berkaitan kes pencemaran bebola tar (tarballs) yang berlaku di Pulau Sibul, Daerah Mersing, Johor pada 10 Mac 2018. Siasatan turut berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Taman Laut (JTL) Negeri Johor, pengusaha resort, penduduk sekitar dan Badan Bukan Kerajaan, *Reef Check Malaysia* yang berpangkalan di Pulau Sibul, Daerah Mersing, Johor.

Hasil maklumat yang diperolehi mendapati bahawa:

- a) Bebola tar (tarballs) iaitu ketulan-ketulan minyak hitam bersaiz antara 20 cm hingga 25 cm telah ditemui terdampar di pantai dan sepanjang hampir 1.0 kilometer;
- b) Kawasan-kawasan pantai yang terjejas adalah di pantai Resort *Twin Beach* (200 meter), Resort Sari Pacifica (100 meter), Resort Teluk Kambau (100 meter), Resort *Sea Gypsy* (200 meter), Resort Rima (100 meter) dan Buntut Meriam (50 meter); dan
- c) Pegawai penyiasat JAS telah menerima sampel bebola tar (tarballs) berkenaan daripada Jabatan Taman Laut (JTL) Negeri Johor untuk dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) bagi mengetahui komposisi kimia bahan pencemar serta untuk tujuan pengecaman punca-punca yang berkemungkinan.

TINDAKAN-TINDAKAN YANG TELAH DIAMBIL

Bagi menangani masalah pencemaran pantai berkenaan, tindakan-tindakan berikut telah dan sedang dilaksanakan oleh agensi-agensi yang terlibat secara bersepadu, termasuk penglibatan penduduk setempat:

- a) **Pelan Tindakan Pembersihan Pantai (PTPP) Peringkat Daerah** telah diaktifkan pada 12 Mac 2018 bagi menggerakkan kerja-kerja pembersihan pantai yang terjejas;

- b) Kerja-kerja pembersihan pantai telah dilaksanakan bermula pada 11 Mac 2018 dan diteruskan sehingga selesai. Beberapa kawasan telah dibersihkan di atas kerjasama pihak pengusaha resort;
- c) Pelupusan bebola tar (tarballs) adalah secara kaedah bio-remediasi dan kerja-kerja pembersihan pantai perlu diteruskan bagi memastikan kawasan pantai yang tercemar dibersihkan sepenuhnya dan bebas dari saki baki bebola tar (tarballs);
- d) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Gerakan Marin juga telah diminta untuk memantau pencemaran minyak di laut yang boleh dikaitkan dengan punca pencemaran; dan
- e) JAS terus mempertingkatkan pengawasan pantai terutama di kawasan-kawasan yang sering terdedah kepada kes tumpahan minyak dan pencemaran bebola tar (tarballs) agar kejadian yang sama tidak berulang.

Maklumat lanjut:-

Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib bin Che Ibrahim
Ketua Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Tel: 03-8871 2046
E-mel: aki@doe.gov.my

Cik Audrey May Sebastian
Ketua
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Tel: 03- 8886 1790
E-mel: audrey@nre.gov.my

